

Realisasi misi perpaduan

MCIO laksana siri jelajah pertama dekati masyarakat selain bantu golongan memerlukan

JUGRA - Bagi meneruskan agenda dan misi perpaduannya, Pertubuhan Kebajikan Melayu, Cina, India dan lain-lain (MCIO) telah menganjurkan Program Voice of Unity Anak-Anak Malaysia sempena Sambutan Minggu Perpaduan dan Kembara MCIO Daerah Kuala Langat di Matrikulasi Selangor.

Presiden MCIO, Datuk Saiful Nizam Abdullah berkata, siri jelajah pertama pertubuhan itu membabitkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan lain termasuk Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain.

Menurutnya, kembara MCIO memilih Selangor

sebagai negeri pertama memulakan kembara.

"Program ini kita anjurkan bertujuan bagi mendekatkan agensi, jabatan terbabit dengan komuniti setempat dalam meningkatkan imej perpaduan di semua peringkat umur.

"Selepas ni jelajah MCIO akan ke Melaka pula dan berpatah balik ke Negeri Sembilan dalam usaha melihat suasana komuniti di setiap negeri," katanya.

Saiful Nizam berkata, siri jelajah itu juga dilaksanakan bagi mengenal pasti individu layak menerima bantuan.

"Kita juga tak mahu lihat ada golongan memerlukan tercicir daripada dapat bantuan dan perkhidmatan kerajaan. Sebab masih ramai keluarga miskin tak dapat bantuan kewangan, orang kurang upaya (OKU) tak berdaftar dan kanak-kanak

INFO

• Selepas Selangor, siri jelajah MCIO akan ke Melaka dan Negeri Sembilan

pula ada yang tak bersekolah," katanya pada program itu, kelmarin.

Hadir sama merasmikan program itu, Pengerusi Majlis Permuafakatan Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdul Fatah Iskandar.

Turut serta, Timbalan Pengarah JPNIN Selangor, Norwahidah Zinalibdin.

Dalam pada itu, beliau berkata, jabatan dan agensi terlibat turut mengadakan pameran dan memberi perkhidmatan.

"Selain itu, 50 orang yang terdiri daripada kategori asnaf, ibu tunggal, miskin turut hadir menerima sumbangan.



Abdul Fatah (tiga, kanan) bersama Saiful Nizam sempat beramah mesra bersama kanak-kanak Tabika Perpaduan pada program itu, kelmarin.

Anak-anak Tabika Perpaduan Daerah Kuala Langat seramai 300 orang berserta ibu bapa turut hadir ambil bahagian dalam pertandingan mewarna, basikal berhias dan perbarisan Kontinjen Anak

Malaysia," katanya.

Sementara itu, Abdul Fatah berkata, beliau sambut baik penganjuran program itu sebagai platform mengukuhkan perpaduan.

"Bagi saya usaha siri jelajah

pertama MCIO di Selangor ni beri impak mendalam, sekali gus beri petunjuk masih ada pertubuhan yang sentiasa menggerakkan aktiviti demi manfaat masyarakat bersama," katanya.